



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA CADANG BANGUNKAN PANGKALAN DATA NASIONAL KOLEKSI ARTIFAK MALAYSIA

ALOR SETAR, 29 Julai – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mencadangkan agar satu **Pangkalan Data Nasional Koleksi Artifak Malaysia** diwujudkan bagi **mengintegrasikan input daripada semua muzium di peringkat persekutuan, negeri, institusi dan swasta melalui satu sistem digital terpusat**. Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika merasmikan Majlis Penutup Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2025, hari ini.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata “rekod koleksi artifak kini diurus dan disimpan secara berasingan menyebabkan Kerajaan tiada gambaran menyeluruh tentang jumlah sebenar artifak dan khazanah warisan negara yang berada dalam simpanan muzium-muzium di Malaysia. Maka, **pangkalan data ini diperlukan bagi memastikan pemeliharaan warisan negara lebih tersusun serta membolehkan inventori koleksi diselaraskan dan dikemaskini secara berkala di samping menyokong usaha pendigitalan warisan**”.

Sebagai rekod, Malaysia memiliki lebih **232 buah muzium di seluruh negara** merangkumi 22 muzium persekutuan di bawah Jabatan Muzium Malaysia, 63 muzium agensi atau institusi, 103 muzium negeri dan wilayah serta 44 muzium swasta.

Pelbagai acara menarik disediakan sepanjang program ini seperti tayangan montaj sepanjang festival, persembahan khas, dan penyampaian hadiah bagi pertandingan sukan, piala pusingan serta reruai pameran terbaik. Anugerah Khas Permuziuman juga disampaikan kepada institusi dan individu yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang permuziuman.

Majlis turut menyaksikan penyerahan rasmi bendera Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan kepada Yayasan Warisan Johor sebagai simbolik tuan rumah bagi penganjuran Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada tahun 2026.

Kementerian Perpaduan Negara

29 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (58)